



**TEKS UCAPAN  
'MAJLIS PERASMIAN HARI INOVASI DAN  
ANUGERAH KUALITI RISDA 2009'**

**OLEH  
YANG BERBAHAGIA TAN SRI RAHIM BIN TAMBY CHIK  
PENGERUSI RISDA**

TEMPAT: DEWAN AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH  
IBU PEJABAT RISDA, JALAN AMPANG  
KUALA LUMPUR

TARIKH : 10 NOVEMBER 2009 (SELASA)  
MASA : 10.00 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat bin Hasan  
Ketua Pengarah RISDA

Yang Berbahagia Dato' Ali Nordin bin Wahiduddin  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

Yang Berbahagia Dato' Wan Mohamad Zuki bin Hj. Mohamad  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat)  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Hari  
Kualiti RISDA Tahun 2009

Pengarah-Pengarah Bahagian

Pengarah-Pengarah RISDA Negeri

Pengurus-Pengurus Besar Anak Syarikat

Penerima-Penerima Anugerah

Serta semua warga RISDA yang dihormati sekalian

3

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin Nya jua dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Hari Inovasi dan Anugerah Kualiti RISDA 2009 pada pagi ini. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Pengurusan RISDA khususnya Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA kerana telah menjemput saya untuk merasmikan Majlis ini.

4

2. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk memberi sedikit senario semasa ekonomi negara kita. Persekitaran ekonomi yang semakin mencabar menuntut kebijaksanaan kita mencorak pengurusan ekonomi agar lebih dinamik dan responsif. Trend pertumbuhan ekonomi global yang semakin mementingkan inovasi dan kreativiti menyebabkan kita tidak boleh lagi berpaut sepenuhnya kepada struktur ekonomi lama. Oleh itu, YAB Perdana Menteri telah menggerakkan usaha menggaris formula sebuah model ekonomi baru yang bertunjangkan inovasi dan produktiviti. Model ekonomi baru menuntut kita mengubah

budaya pergantungan kepada asas pengeluaran menggunakan pekerja separuh mahir dan buruh murah kepada industri teknologi tinggi dan sektor perkhidmatan moden yang menggunakan pekerja mahir dan berpendapatan tinggi. Kesungguhan Perdana Menteri kita untuk menjadikan inovasi sebagai agenda penting negara terbukti apabila beliau mengumumkan penubuhan Pusat Inovasi Negara dan rangkaian Pusat Kecemerlangan Inovasi, malah mulai tahun hadapan Hari Kualiti Negara akan ditukar kepada Hari Inovasi Negara. Syabas saya

ucapkan kepada RISDA kerana proaktif dan telah pun tukar nama Hari Kualiti kepada Hari Inovasi pada tahun ini juga!

3. Selaras dengan itu, Tema pada hari ini, “Kualiti Diutamakan Produktiviti Ditingkatkan” amatlah bertepatan dan sesuai dengan usaha dan aspirasi Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua rakyat. Baru-baru ini YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan memperkenalkan sistem ganjaran yang lebih berkesan untuk kakitangan awam dan jabatan yang cemerlang selaras dengan pendekatan budaya prestasi tinggi dalam perkhidmatan awam. Kerajaan tidak akan

7

bertolak ansur terhadap salah guna kuasa dan mediokriti (sederhana) tetapi pada masa yang sama akan memberi ganjaran kepada pegawai atau jabatan berprestasi tinggi.

4. RISDA perlu memberi keutamaan kepada pekebun kecil dan mengutamakan kualiti perkhidmatan dan meningkatkan produktiviti. Ini boleh dilakukan melalui usaha berterusan untuk berinteraksi dengan pekebun kecil bagi mendapatkan maklum balas, pendapat dan pandangan berhubung perkhidmatan yang disediakan. Seterusnya, tindakan segera diambil supaya setiap maklum balas, cadangan dan pandangan ditangani dengan pantas dan berkesan, terutama

8

yang berkaitan dengan Sistem Penyampaian RISDA. Kepuasan pelanggan adalah tanda aras utama kepada kejayaan RISDA. Sehubungan dengan ini, saya ingin mengingatkan semua warga RISDA di pelbagai peringkat tentang perlunya bersikap prihatin terhadap pelanggan kita iaitu pekebun kecil yang datang berurusan di pejabat masing-masing. Antara langkah-langkah yang boleh dilaksanakan ialah memastikan urusan pekebun kecil dapat diselesaikan dengan segera bagi mengelakkan mereka datang berulang kali ke pejabat. Sebaiknya, semua urusan

9

dapat diselesaikan dengan hanya 1 kali kehadiran di kaunter pejabat-pejabat RISDA.

5. Kita juga perlu berusaha beralih daripada birokrasi yang menyukarkan kepada birokrasi yang memudah cara dan menyenangkan rakyat. Kenapa kita harus secara berterusan mengamalkan tatacara kerja yang usang, menyulitkan lagi melambatkan jikalau ia dapat dilaksanakan atau disiapkan dalam masa yang cepat. Kita juga harus ingat bahawa kita juga merupakan pelanggan kepada jabatan dan agensi Kerajaan lain. Saya percaya, kita juga akan merasa kecewa, malah marah, sekiranya kita tidak menerima tahap

perkhidmatan seperti mana yang kita kehendaki. Oleh itu, kita perlu sentiasa memberikan perhatian utama terhadap usaha-usaha meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian RISDA dengan cara memberi nilai tambah kepada kualiti dan proses membuat keputusan bagi menjamin pekebun kecil sentiasa mendapat perkhidmatan yang terbaik, efisien dan cekap.

6. Usaha-usaha penambahbaikan tidak mengira yang kecil mahupun yang besar hendaklah juga mengambil kira pandangan pelbagai pihak, baik orang ramai ataupun pegawai yang paling junior. Saya percaya banyak idea yang

11

bernas dapat dilahirkan dan dizahirkan oleh mereka. Ini kerana usaha-usaha yang tampak kecil itu sebenarnya mampu memberikan impak yang tinggi terhadap sistem penyampaian perkhidmatan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Selaras dengan konsep “Perkhidmatan Awam Untuk Semua”, kerjaya dalam perkhidmatan RISDA adalah terbuka untuk semua kaum dan jantina, orang kurang upaya, orang asli dan semua rakyat Malaysia yang berkelayakan. Usaha-usaha berterusan dan langkah yang proaktif dalam

12

pengambilan dari pelbagai kaum, etnik, dan taburan wilayah haruslah ditekankan dan diteruskan, tanpa menjejaskan kualiti, bagi merealisasikan wawasan Kerajaan serta mewujudkan perkhidmatan awam yang bercirikan “1Malaysia”. Kita hendaklah mendapatkan bakat yang terpilih, terbaik dan tersaring demi kepentingan rakyat dan penyampaian perkhidmatan. Dalam hubungan ini, Y.A.B. Perdana Menteri telah mencadangkan agar struktur perkhidmatan awam diubah melalui kaedah sistem kemasukan pelbagai peringkat antara bakat sektor awam dan swasta bagi mengisi jawatan utama perkhidmatan

13

awam. Y.A.B. Perdana Menteri juga mencadangkan satu dasar pintu terbuka di mana pegawai perkhidmatan awam boleh dipinjamkan ke syarikat GLC atau swasta dan sebaliknya, iaitu pegawai GLC atau swasta ke perkhidmatan awam bagi menimba pengalaman.

8. Berikutan itu, Program Cross-Fertilisation Sektor Awam dan Swasta telah dimulakan pada 1 September 2009. Sebagai permulaan, seramai 20 orang penjawat awam terpilih ditempatkan di pelbagai GLC dan 20 orang pegawai GLC ditempatkan di pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan supaya struktur perkhidmatan awam akan dapat

14

diperkukuhkan dengan menarik bakat-bakat terbaik dan cemerlang. Mungkin RISDA juga perlu mengorak langkah kearah yang sama supaya kita mampu menarik dan mengekalkan anggota yang mempunyai “character” dan berintegriti. Justeru, mesej yang konsisten yang harus diperjelaskan kepada orang ramai, ialah bahawa Perkhidmatan RISDA amat mementingkan aspek kualiti peribadi dan tidak akan bertolak ansur berhubung aspek integriti, iaitu zero-tolerance bagi yang tiada integriti. Oleh itu, dalam urusan pengambilan, hendaklah dipastikan calon-calon yang cemerlang, berperibadi tinggi atau mempunyai

15

“character” dan berintegriti dilantik ke dalam Perkhidmatan RISDA. Dalam urusan kenaikan pangkat, penekanan penting diberikan kepada aspek integriti dan kecemerlangan pegawai dalam menjalankan tugas. Dan bagi mereka yang mengkompromikan integriti, tindakan tegas perlu diambil untuk memastikan mereka ini tiada tempat dalam perkhidmatan RISDA.

9. Dalam melaksanakan tugas kita harus menukar paradigma daripada menilai kejayaan yang berasaskan “output” kepada kejayaan yang berasaskan “outcome”. Misalnya, penekanan bukan pada keluasan Tanam Semula, tetapi apakah hasil

16



produktiviti yang tercapai dan bilangan pekebun kecil miskin yang dapat dikeluarkan daripada kemiskinan daripada program Tanam Semula yang dilaksanakan. Bagi memenuhi hasrat ini, prestasi petunjuk utama atau KPI digunakan sebagai kayu pengukur pencapaian prestasi. KPI ini bukan sahaja menekankan output tetapi juga outcome atau impak sesuatu perkhidmatan. Dalam konteks RISDA, KPI utama yang telah ditetapkan adalah produktiviti getah dan sawit. Pada ketika ini pekebun kecil getah telah berupaya mengeluarkan hasil sebanyak 1,580 kg/hektar/thn dan RISDA telah disarankan supaya meningkatkan lagi

17

produktiviti kepada 1,600 kg sehektar setahun. Manakala pekebun kecil sawit daripada 18 tan per hektar kepada 19 tan sehektar. Selaras dengan ini, RISDA juga telah menubuhkan satu Bahagian Baru iaitu Bahagian Produktiviti dan Khidmat Pemasaran untuk memantau produktiviti secara khusus supaya KPI kita dapat dicapai.

9. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Kualiti, Inovasi dan juga KMK. Saya percaya pegawai-pegawai atau Pusat Tanggungjawab yang terpilih pada hari ini telah menunjukkan usaha dan prestasi yang terbaik di

18

peringkat negeri dan daerah masing-masing. Adalah diharapkan bahawa saudara-saudari akan terus mengekalkan kecemerlangan dan menjadi penanda aras kepada pegawai-pegawai lain, di samping mewujudkan persaingan yang sihat untuk meningkatkan prestasi masing-masing. Kepada pegawai-pegawai yang telah berkhidmat 25 tahun, saya bagi pihak RISDA merakamkan ucapan Hadirin yang hormati sekalian,

10. Akhir kata, Saya penuh yakin dan percaya bahawa budaya kerja berkualiti dan berinovasi akan terus bersemarak dan diamalkan dengan baik di RISDA bersandarkan komitmen

19

dan iltizam yang tinggi yang telah ditunjukkan selama ini. Saya amat berharap Tuan-tuan dan Puan-puan akan terus meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja untuk memantapkan lagi RISDA untuk menjadi sebuah organisasi bertaraf *world class*.

**Dengan kata-kata itu dan lafaz ‘Bismillahirrahmanirrahim’, saya dengan penuh sukacitanya merasmikan Hari Inovasi dan Anugerah Kualiti RISDA 2009.**

***Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh***

20